

# THE TITAN

*Industry View*  
KEINDAHAN  
DAN  
KEUNIKAN  
INDUSTRI  
TEKSTIL &  
PAKAIAN  
MALAYSIA



**HASNURI  
DARI PASAR MALAM,  
KINI ADA KILANG**

HASBULLAH AWANG & NURIAH ZAKARIA

10 APRIL 2022 | BIL: 03  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

**RICHWORKS™**

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

TITAN



# BISNES BERSERAH PADA 'NASIB'



**S**eorang bekas guru sekolah dan suri rumah mengambil keputusan untuk meninggalkan karier demi memberikan perhatian buat keluarga dan bisnes.

Pasangan suami isteri ini ialah Pengasas Hasnuri Sdn Bhd (Hasnuri), Hasbullah Awang dan isterinya, Nuriah Zakaria menceritakan sebelum mereka mendapat bimbingan RichWorks bahawa mindset mereka dahulu yang berniaga hanya bergantung kepada 'nasib'.

"Kami mula bermula pada 2014. Masa tu kami buka butik dan suami minta saya berhenti kerja, jaga butik pakaian dan jaga anak. Jadi sambil jaga anak, saya melayan customer."

"Masa tu, dalam mindset saya, kalau ada rezeki atau keuntungan, Alhamdulillah. Kalau tak ada pun tak apa asalkan dapat jaga suami dan anak," kongsi Nuriah sambil disokong oleh suaminya.

Sebagai peniaga, banyak cabaran dan kesilapan lalu yang pernah mereka lakukan. Tapi ia tak mematahkan semangat mereka untuk terus menuntut ilmu dan mencari mentor yang boleh membimbing mereka.

Mereka percaya, dari setiap dugaan dan kegagalan yang ditempuhi pasti akan ada sinar yang menanti.



Titik tolak perubahan pasangan dengan mindset sebegini mula berubah bila mereka belajar dan mendapatkan bimbingan daripada Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman daripada salah satu program anjuran RichWorks beberapa tahun lalu.

### BISNES BERMULA DI PASAR MALAM, KINI MEMBINA EMPAYAR BAJU KURUNG!

Hasnuri memfokuskan pemasaran baju kurung yang selesa dan mampu milik khas untuk kaum muslimah. Tapi tahukah anda bagaimana semua ini bermula?

Pada 2014, Hasbullah dan Nuriah bermula di tapak pasar malam dan tapak niaga kecil. Pelbagai barang mereka jual termasuk pakaian dan satay ikan. Itu adalah salah satu cara untuk mereka memperoleh lebih banyak pendapatan.

Setelah ada peningkatan, mereka mencuba pula menyertai tapak jualan acara besar pada 2017 dengan menjual baju kurung. Ini termasuk menyertai acara di Singapura dan Brunei.

"Masa buat event besar seperti di Singapura dan Brunei, kami rasa seronok sebab dapat buat sales antara RM10 ribu hingga RM20 ribu. Disebabkan itu, suami buat keputusan berhenti kerja untuk fokus pada bisnes."

"Sebab kalau terlibat dalam event besar, ia memerlukan masa dan pengurusan yang betul. Tetapi, selepas suami berhenti kerja itulah kami diuji dengan pelbagai ujian," kata Nuriah.

Apa yang berlaku, perjalanan perniagaan mereka tidak menjadi seperti yang dirancang. Perniagaan mereka hampir gulung tikar dan simpanan ratusan ribu ringgit mereka hanya tinggal RM10 ribu sahaja!

**KAMI MULANYA TIDAK TAHU NAK BELAJAR DENGAN SIAPA. TAPI ADA ORANG CADANGKAN UNTUK MASUK PROGRAM MMM ANJURAN RICHWORKS SEBAB DALAMNYA ADA 200 TEKNIK MARKETING YANG AKAN DIAJAR. KAMI TERTARIK TAPI WAKTU ITU PROGRAM MMM HANYA ADA DI SABAH.”**



BERSAMA MENTOR USAHAWAN JUTAWAN DATUK WIRA DR AZIZAN OSMAN.

Ketika itu mereka merasa tidak berbaloi untuk menyertai acara besar kerana ia tidak sahaja memenatkan, malah keuntungan yang diperoleh tidak dapat menampung kos perbelanjaan yang digunakan.

#### **HENDAK SERIBU DAYA, TAK HENDAK SERIBU DALIH!**

Situasi itu kemudiannya memaksa pasangan ini mencari ilmu untuk memajukan perniagaan mereka dan untuk itu, mereka sanggup terbang ke Sabah semata-mata untuk menyertai program Millionaire Marketing Mastery (MMM) - program signature RichWorks.

“Kami mulanya tidak tahu nak belajar dengan siapa. Tapi ada orang cadangkan untuk masuk program MMM anjuran RichWorks sebab dalamnya ada 200 teknik marketing yang akan diajar. Kami tertarik tapi waktu itu program MMM hanya ada di Sabah.”

“Jadi lepas fikir, kami rasa kami perlu masuk juga sebab kalau nak tunggu seminar di Semenanjung, mungkin masa tu simpanan kami pun dah habis. Kami minta bantuan mak untuk jaga anak dan terbang ke Sabah untuk mengikuti MMM,” ujar Nuriah.

Bermula dari Program MMM, mereka terus belajar ke Program Business Growth Workshop (BGW), kemudiannya hadir lagi ke program RichWorks yang lain dan pada Disember 2017, mereka memohon untuk menjadi ahli Titanium.



**TERBUKTI, APABILA PASUKAN DAN KAKITANGAN DIPIMPIN DENGAN CARA YANG BETUL, MEREKA AKAN MEMPUNYAI SIKAP DAN EMOSI YANG BETUL, YANG AKHIRNYA TURUT BOLEH MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA SYARIKAT.**

## PERUBAHAN DIALAMI SELEPAS DIBIMBING

Ketika ditanya apa perubahan yang mereka lakukan selepas dibimbing oleh RichWorks, Nuriah menjelaskan mereka merubah misi mereka terlebih dahulu.

"Selepas belajar, kami sedar bahawa bermula perlu ada misi untuk bantu orang. Pada mulanya, saya bantu memikirkan bagaimana nak bantu orang dengan baju kurung? Jadi, kami ubah misi iaitu mengeluarkan baju kurung yang bukan saja boleh dipakai harian tetapi tetap menutup aurat dengan sempurna."

"Dari misi inilah orang boleh mendapat manfaat akhirat dan dengan misi ini jugalah kami boleh bimbing team untuk lebih jelas dan tahu apa yang perlu mereka lakukan. Kami nak team tahu yang misi ini bukan setakat berniaga tetapi juga berdakwah," ujar Nuriah.

Ternyata dengan merubah misi mereka untuk membantu ramai orang, Hasbullah Awang dan isterinya, dapat menggalakkan kakitangan mereka bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh bermula dari pembungkusan, pemasaran dan juga jualan kepada pelanggan.

### MEREKA LEBIH JELAS DENGAN SASARAN MEREKA.

"Dari segi kepimpinan pula, kami menitik beratkan agar setiap kakitangan tak tinggal solat. Kami juga galakkan mereka membaca al-Quran pada waktu pagi. Niat kami adalah untuk turut menjadikan platform niaga kami ini untuk membina ummah," katanya.





NURIAH ZAKARIA & HASBULLAH AWANG BERSAMA MENTOR USAHAWAN, DATUK WIRA DR AZIZAN OSMAN DAN PENGURUSI EKSEKUTIF RICHWORKS, DATUK JERRY RIZAL.

Terbukti, apabila pasukan dan kakitangan dipimpin dengan cara yang betul, mereka akan mempunyai sikap dan emosi yang betul, yang akhirnya turut boleh memberi impak positif kepada syarikat.

## PENCAPAIAN HASNURI

Pada 2018, Hasnuri mencatatkan jualan bernilai RM4 juta dan setahun selepas itu iaitu pada 2019, ia melonjak dengan sangat mendadak sehingga mencecah RM21 juta!

Mereka juga kini mempunyai kira-kira 150 kakitangan dan 30 ribu dropshippers, dan kira-kira 3,000 daripada mereka telah pun berjaya meraih pendapatan kira-kira RM1,000 sebulan.

Apa yang lebih membanggakan, pasangan ini juga kini sudah mempunyai kilang sendiri yang bertempat di Pasir Gudang, Johor.

# HASNURI ACHIEVEMENT

The image displays a collection of awards and certificates received by Hasnuri. In the center, there are two framed certificates. The left one is from J&T Express for '2020 BEST STRATEGIC BUSINESS PARTNER' and the right one is from The World Brands Foundation for 'THE WORLD'S FIRST SME'S BEST BRANDS E-BRANDING AWARD 2020'. To the left of these are several clear acrylic trophies, one of which is labeled 'TITANUM OUTSTANDING GROWTH 2019'. To the right are more trophies, including one for '2020 BEST STRATEGIC BUSINESS PARTNER' and another for '2020 BEST EXCELLENCE BRAND (e-Commerce)'. Below the main display are five smaller award logos: 'THE BRANDLAUREATE THE WORLD'S BEST BRANDS 2018', 'THE BRANDLAUREATE SMEs BESTBRANDS E-BRANDING AWARD FASHION MUSLIMAH WEAR 2020', 'AWARDED ASIA PACIFIC TOP WOMEN ENTREPRENEURS 2021 - 2023', 'AWARDED ASIA PACIFIC TOP CEO 2021 - 2023', and 'AWARDED ASIA PACIFIC EXCELLENCE BRAND 2021 - 2023'.

**HASNURI® [www.hasnuri.com](http://www.hasnuri.com)**

## ANUGERAH DITERIMA HASNURI :

- The Brandlaureate The World's First SME's Bestbrands e-Branding Award 2020 bagi kategori Fashion Muslimah Wear.
- Anugerah Asia Pacific Top Women Entrepreneurs
- Anugerah Asia Pacific Top CEO
- Anugerah Asia Pacific Top Excellence Brand (e-Commerce)



## PESAN PENGASAS **HASNURI**

**BEBERAPA PESANAN UNTUK  
USAHAWAN ATAU BAKAL  
USAHAWAN TENTANG  
BAGAIMANA BOLEH  
'MEMPERCEPATKAN' PROSES  
KEJAYAAN MEREKA DALAM  
PERNIAGAAN YANG DIJALANKAN.**

**PERTAMA**, bangsa usahawan di luar sana perlu sentiasa menekankan aspek kepimpinan dalam organisasi dan perniagaan mereka.

"Perkara yang perlu dibina untuk berjaya dalam perniagaan adalah leadership. Inilah yang diajar oleh RichWorks. Kalau kita nak berjaya, kita perlu ada semangat pemimpin."

"Pemimpin yang bagus akan menghasilkan team yang bagus. Tak mengapa jika kita mula sebagai pelajar atau pengikut dahulu. Jika kita percaya pada proses pembelajaran, kita mampu jadi pemimpin yang berjaya satu hari nanti," jelas Hasbullah sambil disokong oleh isterinya.

**KEDUA**, mereka masih ingat pesan Datuk Wira Dr Azizan Osman bahawa sales bergantung kepada emosi dan sikap. Bila team mempunyai sikap dan emosi yang betul, insyaAllah sales juga akan meningkat.

**KETIGA**, pilihan anda untuk menjadi biasa-biasa atau luar biasa. Hasbullah diuji dengan sakit namun alhamdulillah beliau dapat kembali pulih.

"Hampir dua bulan saya diuji dengan kesakitan dan alhamdulillah saya diberi kesembuhan. Hidup ini penuh dengan ujian. Kerja pun diuji, tak kerja pun diuji. Miskin atau kaya, kita tetap diuji."

"Tahap ujian ini hanya kita yang boleh tentukan sama ada kita nak hadapi atau tidak. Hanya orang bijak saja boleh jadikan ujian ini satu nikmat. Jadi apa pilihan kita ada? Tanya diri nak terus jadi biasa atau luar biasa," ujar Hasbullah.

Kata-kata tersebut bukanlah lahir kerana mereka sudah berada di puncak kejayaan. Sebaliknya, ia untuk menggambarkan bagaimana peritnya mereka bermula. Ini kerana, beberapa tahun dahulu Hasbullah dan isteri bekerja makan gaji dan beliau sendiri hanyalah seorang guru agama.

Namun kesungguhan untuk menjana pendapatan selesa membuatkan mereka berdua menceburti bidang perniagaan.

**KEEMPAT**, trust the process. Kejayaan tak berlaku dalam sekilip mata, terdapat perjalanan yang perlu bangsa usahawan lalui untuk mencapainya.

Tanpa adanya tindakan yang berterusan hasil daripada ilmu, strategi dan mentor yang dapat bawa kita ke destinasi yang dituju itu, sukar malah agak mustahil untuk anda dapat bina bisnes yang berjaya.



**Business  
Evaluation  
Session  
Transformation**

# best

TARIKH: SETIAP SELASA & SABTU • MASA: 10 PAGI - 12 TENGAH HARI • YURAN: ~~RM2000~~ PERCUMA

Nilai Realiti Bisnes Anda Ketika Ini!

**SESI KHAS KONSULTASI**

Business Evaluation Session & Transformation  
(BEST) untuk anda yang komited dan nak  
metamorfosis bisnes ke tahap lebih baik pada 2022.

**HADIR DI RICHO atau ONLINE**

No. 77, Jalan Badminton 13/29,  
Seksyen 13, 40100 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

**Info lanjut: +60192442244**



[richworks.com/bmb/best](http://richworks.com/bmb/best)

# KEINDAHAN DAN KEUNIKAN INDUSTRI TEKSTIL & PAKAIAN MALAYSIA

*Pemuda pemudi kalau berkain songket  
Alangkah indah berseri bertambah cantik  
Alangkah indah berseri bertambah cantik  
Kainlah songket tenun Melayu  
Mula asalnya dari Terengganu.*

Siapa ingat lirik lagu ini, nyanyian biduanita negara, Saloma bertajuk kain songket.

Songket merupakan salah satu daripada tekstil yang terkenal di alam Melayu.

Kemunculan tekstil sebagai bahan pakaian mula berkembang setelah benang dan proses tenunan dikenali manusia.

Tekstil terdiri daripada tekstil utama huluan dan aktiviti seperti pempolimeran, pemintalan, penenunan, penyulaman dan pemprosesan basah.

Perolehan sesuatu gerak kerja untuk menghasilkan tekstil bukanlah satu proses mudah berlaku kerana kebanyakannya idea penghasilannya banyak dipengaruhi melalui kaedah transisi atau evolusi.

Daripada idea mengolah dan mencipta, akhirnya manusia berjaya memproses serta membentuk pakaian yang bersesuaian bagi kegunaan pelbagai lapisan masyarakat.



Perubahan kebudayaan atau ‘culture change’ yang banyak didominasikan melalui kaedah jalinan hubungan perdagangan mempengaruhi penghasilan tekstil ketika itu.

Sejajar dengan perkembangan kegiatan perusahaan tekstil, ternyata gerak kerja tangan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu berpunca daripada idea dan seni yang terhasil sejak zaman berzaman dan mula berubah mengikut keperluan semasa.

### PERKEMBANGAN PASARAN

Industri tekstil dan pakaian ialah pasaran yang terus berkembang dengan China, EU, AS dan India sebagai pesaing utamanya.

Meskipun demikian, industri tekstil dan pakaian Malaysia yang matang dan mapan menyediakan

potensi pertumbuhan yang pelbagai.

Peluang perniagaan terletak di hujung rantai nilai global yang lebih tinggi dan pengeluaran pelbagai produk bernilai tambah yang lebih tinggi.

Melangkah kedepan, pertumbuhan industri akan bergantung kepada pembinaan ekosistem yang lebih kuat dan komprehensif yang memberi tumpuan kepada pembangunan bakat, kemahiran dan inovasi.

Teknologi Industri 4.0 seperti automasi telah mempengaruhi bahagian depan dan belakang industri.

Transformasi digital telah membuka jalan kepada model perniagaan baharu dan yang lebih cekap.



### PERSEKUTUAN FESYEN, TEKSTIL DAN PAKAIAN MALAYSIA (FMFTA)

Persekutuan ini dilancarkan dengan kerjasama dengan Malaysian Investment Development Authority (MIDA) pada tahun 2019, sejajar dengan inisiatif Malaysia untuk mempercepat penerapan Industri 4.0.

ia ditubuhkan sebagai tindak balas terhadap kemunculan teknologi seperti Internet Pelbagai Benda (IoT), Kepintaran Buatan (AI), percetakan digital, pengkomputeran awan dan integrasi sistem yang telah mempengaruhi kedua-dua

bahagian depan dan juga bahagian belakang industri tekstil dan pakaian.

#### Objektif FMFTA seperti berikut:

- Menyelaras, mempromosikan dan menerajui perkembangan progresif industri tekstil dan pakaian fesyen Malaysia untuk meningkatkan penggunaan domestik dan bersepadu dengan rantai nilai global.
- Berfungsi sebagai suara kolektif dan tunggal bagi industri dan memudahkan aktiviti promosi antarabangsa bagi ahlinya.

- Bertindak sebagai perundingan yang tertumpu antara Kerajaan dan agensi yang berkaitan berkenaan perancangan dasar, perumusan strategi, insentif dan cadangan program strategik mengenai isu-isu yang merencatkan pertumbuhan industri ini.

## TARIKAN PELANCONG

Keunikan tekstil seperti songket dan batik khasnya sudah sinonim dengan Malaysia antara faktor tarikan pelancong asing untuk mendapatkan produk pakaian tempatan.

Disebabkan itu, minggu fesyen antarabangsa yang dianjurkan di negara ini sering mendapat sambutan ramai kerana ia menjadi medan tontonan hasil reka fesyen tempatan kepada pembeli korporat antarabangsa.

Selain itu, pengajur acara berkenaan di lokasi pusat beli-belah yang terdapat ramai pelancong sudah semestinya mampu menarik perhatian mereka untuk mengenali hasil air tangan pereka fesyen tempatan.

## SONGKET DAN BATIK

Songket cukup sinonim dalam budaya Melayu maka tidak hairanlah ia banyak digunakan di Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia.

Selain daripada penggunaan warna yang pelbagai, songket Malaysia juga biasanya menggunakan motif bunga-bunga. Manakala di Indonesia, songket memiliki motif yang seragam.

Di Malaysia, songket biasanya dipakai ketika majlis rasmi, perayaan atau pun perkahwinan. Malah pekerja kerajaan di Malaysia khususnya kaum lelaki akan mengenakan baju Melayu dan memakai samping yang diperbuat daripada songket pada hari Jumaat.

Kaum wanita pula biasanya akan mengenakan songket ketika bersanding dan acara-acara tertentu.

Sementara itu, batik Malaysia dikenali sebagai salah satu bidang kraf tangan tradisional yang terkenal di Malaysia. Ia adalah teknik percetakan yang dikenali sebagai 'mencanting' batik.

Sehingga kini, perusahaan pakaian batik Malaysia banyak bertumpu di negeri-negeri di Pantai Timur, iaitu Kelantan dan Terengganu.

Hasil pembuatan batik di Malaysia amat dikenali di peringkat antarabangsa.

Rekaannya yang bermutu tinggi dan coraknya yang unik menambat hati peminat pakaian tradisional.

Seni batik bukan sahaja digemari rakyat Malaysia, bahkan pelancong juga meminatiinya.

Mereka menjadikannya cenderahati sekembalinya ke mereka negara asal.

## MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Bukan setakat songket dan batik, siapa nak tahu lebih lanjut mengenai tekstil? Jom kita ke Muzium Tekstil Negara.


Muzium Tekstil Negara menjelak aliran dan perkembangan tekstil yang telah mempercirikan dan membentuk gaya hidup masyarakat Malaysia sejak zaman pra-sejarah hingga kini.

Ia memiliki empat galeri yang mempamerkan koleksi tekstil tersohor, aksesori dan pakaian.

Persembahan multimedia turut menonjolkan teknik-teknik penghasilan tekstil di Malaysia.

Pelawat dapat meneroka kekayaan kepelbagaiannya dalam masyarakat Malaysia. Menarik bukan? 🎉

# Eksklusif & Terhad!



## SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang PROVEN diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu BANGKIT semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.

**REAL PEOPLE, REAL BUSINESS,  
REAL RESULTS!**

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan HADIAH dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **3,000** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma sehingga **30 April 2022** saja selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~  
~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~  
**KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran**



E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™  
THE TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.